



Cambridge IGCSE™

FIRST LANGUAGE MALAY

0696/01

Paper 1 Reading and Directed Writing

May/June 2025

INSERT

2 hours

INFORMATION

- This insert contains the reading passages.
- You may annotate this insert and use the blank spaces for planning. **Do not write your answers** on the insert.

MAKLUMAT

- Sisipan ini mengandungi teks-teks bacaan.
- Anda boleh membuat catatan pada sisipan ini dan gunakan ruang kosong untuk merangka jawapan.
Jangan tulis jawapan anda pada sisipan tersebut.



This document has **8** pages. Any blank pages are indicated.

Baca Teks A, kemudian jawab Soalan 1 dalam Kertas Soalan.

Teks A: Terbeban

(Badariah Arbin/bharian.com.my/10 Mei 2021, disuaipadankan dari cerpen Ketungkalan)

“SUDAH siapkah kerja rumahmu, Lolan?” tanyaku dengan nada mendatar.

“Belum mak, susah soalan Asas Sains Komputer ni... saya tak faham,” rungut Lolan sambil melayari permainan video di telefon pintarnya.

Aku menghampiri Lolan.

“Oo... jadi kalau tak faham, teruslah tengok ‘handphone’? Main ‘games’? Mari sini telefon tu!”

5

“Ishk... mak ni... nah! Ambillah!”

“Aik? Melawan?”

“Mana ada melawan, mak...” tingkah Lolan dengan suara meninggi, langsung bingkas bangun menuju ke arah biliknya.

Aku memerhati, menggeleng kepala. Sempat juga ekor mataku menangkap tingkah anak sulungku itu sedang menahan empangan air mata. Sebentar lagi, pasti empangan itu pecah dan air mata panas akan membasahi pipi. Biarlah Lolan menangis sekarang, jangan dia menangis kemudian. Biar dia tahu apa itu susah. Biar dia tahu apa itu usaha. Sampai masanya nanti, Lolan akan dapat rasai nikmat kejayaan di sebalik keperitan berjuang di medan ilmu.

10

Ya, aku tahu Lolan terbeban – tidak menang tangan menyiapkan tugas sekolah. Tambahan pula, subjek ini memang mata pelajaran yang begitu sukar bagi dirinya.

15

Perlahan-lahan tanganku membelek buku teks Lolan. Menarik nafas dalam-dalam. Meskipun hanya tiga bab sahaja, namun ia amat mencabar minda seorang pelajar yang kini belajar hanya dalam talian.

Memang sukar, tapi tak mustahil! Hidup bukan hidup namanya tanpa cabaran. Dan cabaran bukanlah cabaran namanya kalau tak disahuti! Azamku tumbuh dalam hati.

20

“Mak! sudah siap!” jerit Naim dari ruang tamu tiba-tiba.

Aku tersentak. Naim datang menghampiriku sambil membimbit sebuah buku.

“Wah! Pandainya anak mak...” aku memuji.

Naim kelihatan sangat yakin, sambil menunjukkan buku aktiviti Matematik tahun dua itu.

25

Mengajar anak sendiri tak sama mengajar anak orang lain. Cepat juga marah menyirap ke urat sarafku. Inilah ujian yang perlu aku tempuhi.

Selesai menangkap gambar kerja sekolah anak, pantas aku maklumkan kepada guru matematik dalam kumpulan sembang Kelas 2 Cemerlang.

Ah, siapalah dapat menjangka abad ke-21, sistem pendidikan sudah menjadi seperti ini, akibat pandemik. Belajar dari rumah, tidak bersemuka dengan guru, tiada lagi sesi soal jawab, tidak dapat menghadiri sekolah secara fizikal, aku mengeluh dalam hati.

30

“Mak sudah hantar markah kuiz Naim?”

“Aduhhh... sekejap... mak hampir terlupa. Terima kasih nak, tolong ingatkan mak... pandai anak mak ni,” pujiku berjela.

35

Aku akui, aku terbeban juga sebenarnya. Mengajar anak satu hal. Memahamkan mereka apa yang diajarkan satu hal lagi. Memastikan anak siap semua tugas sekolah pun satu hal juga, terutamanya Lolan!

Selama wabak pandemik ini, rutin harianku bergerak pantas. Nasib ada mesin basuh, banyak juga ia membantu. Sambil menunggu pakaian dicuci dan dikeringkan, sempat juga aku mengajar anak-anak di rumah. Cuma, Lolan. Ya, cuma Lolan! Cara membimbing Lolan memang tak sama dengan cara membimbing adik-adiknya.

40

Lolan perlukan bahan bantu, komputer riba dan aku sendiri perlu memantau pembelajarannya setiap masa. Aku perlu terus fokus dan sedar dengan apa yang dibuatnya. Risau juga aku, kalau nanti dia terpengaruh dengan perkara-perkara yang tidak baik. Dunia tanpa sempadan ada juga keburukannya jika disalahgunakan.

45

“Mak, lapar...,” Haziq, seorang lagi anak menghampiri.

“Sekejap ya. Mak mau masak ayam kicap ni,” pujukku sambil menggaul lauk dalam kualiti.

“Haziq sudah siapkah sambung titik-titik tu?”

“Sudah,” jawabnya.

50

Aku menghela nafas panjang.

“Mak...” suara dari belakang datang, dapat kuduga siapa gerangan pemilik suara itu.

Aku sengaja tidak menoleh, mahu untuk berlagak tidak peduli. Aku teruskan juga menggaul ayam di kualiti.

“Mak...minta maaf mak...” suara Lolan sedih sekali. Kemaafannya dipinta dengan sungguh-sungguh.

55

Ah, anak ini, aku pantas mematikan api dan menoleh ke arah anak sulungku. Aku menatap tepat ke wajahnya. Anak yang aku letakkan segumpal harapan menjadi contoh buat adik-adiknya. Anak yang akan memikul tanggungjawab andai ditakdirkan kami pergi dulu.

Sudah habiskah menangisnya tadi? Sudahkah dia sedar silapnya tadi?

60

Lolan menekurkan pandangan ke lantai. Diam menikus.

“Lolan sayang mak?”

“Sayang, mak...”

“Kalau Lolan sayangkan mak, ikut nasihat... mak ni bukan selama-lamanya hidup, nak...”

“Nah... janganlah mak cakap begitu...” rayu Lolan sambil meraih tanganku. Matanya mula berkaca.

65

“Sapu air mata tu, anak jantan jangan cepat menangis... kena kuat! Pasal subjek komputer tu, nanti mak ajar Lolan cara belajarnya.

Satu lagi, pegang handphone ada masanya. Kalau Lolan salahgunakan, mak ambil balik, faham?”

70

Lolan angguk. Senyum pantas terbit di bibirnya.

Anak akan menjadi lebih cerdik apabila dilatih menilai kelemahan dan kekuatan diri mereka. Kelemahan diri hendaklah diperbaiki melalui latihan yang berterusan. Kekuatan diri pula hendaklah dikembangkan ke tahap yang lebih tinggi.

Meski hidup kami sederhana, keperluan anak-anak tetap menjadi keutamaan.

75

Aku mengalih pandang ke arah wajah ketiga-tiga puteraku bergilir-gilir, dengan penuh rasa kasih sayang. Namun, pandanganku tertumpah lama terhadap anak sulungku itu.

Remaja zaman sekarang mana sama dengan remaja zaman aku dulu.

Zaman dulu, tiada pengaruh gajet. Tiada permainan dalam talian segala macam.

Zaman dulu, waktu sebaya Lolan, aku tinggal di asrama. Aku jalani hidup dengan penuh peraturan. Mandi beratur. Makan beratur. Bahkan, balik dari dewan kuliah pun beratur. Anakku belum ada pengalaman hidup sebegitu. Belum! desis hatiku.

80

“Macam mana anak-anak hari ini, Yam?” tanya Jazman yang baru sebentar tadi balik dari kerja.

“Macam gitu juga, bang... pagi, sibuk menjawab soalan. Petang, ulang kaji sikit pelajaran.”

Jazman tidak berkata apa-apa. Hanya matanya sahaja bagai berbicara. Dan aku seakan-akan dapat mentafsir maksud renungan itu. Renungan yang menuntut segudang kesabaran.

85

“Lolan, bawalah adik-adik masuk bilik. Tidur awal. Bangun besok pun awal.”

“Okey, mak...” Lolan memimpin tangan adik-adiknya ke bilik.

Mataku semakin berair. Rasa mengantuk yang amat.

Perlahan-lahan aku melangkah kaki ke bilik tidur.

90

“Ya Allah... nikmatnyalah dapat baring ni,” bisik hatiku. Syukur.

Belum pun sempat aku membaca doa sebelum tidur, tiba-tiba terdengar pintu bilik diketuk seseorang. Aku bingkas bangun.

“Mak... baru Naim ingat, belum siap kerja rumah Bahasa Melayu...,” ujar Naim sambil mengenyeh-kenyehkan matanya.

95

Aku menepuk dahi.

Baca Teks B dan C, kemudian jawab Soalan 2 dalam Kertas Soalan.

Teks B: Teknologi AI memudahkan proses pembelajaran, cetus kreativiti pelajar

(Dr Azlan Muharam, 22 Feb 2023, disuaipadankan)

Ledakan pelbagai teknologi kecerdasan buatan (AI) kini banyak mengubah landskap kehidupan manusia sejagat, terutama sekali para pelajar.

Selama ini para pelajar bergantung kepada enjin carian sahaja untuk mencari maklumat, tetapi kini mereka boleh menggunakan teknologi AI dalam pembelajaran mereka sebagai tambahan.

Secara umumnya pelbagai perisian AI boleh digunakan untuk membantu memahami subjek dan menyiapkan tugas atau projek dengan lebih berkesan dan menjimatkan masa. Para pelajar juga dapat merancang masa dan belajar mengikut kadar kefahaman mereka sendiri.

5

Walau bagaimanapun, ia masih memerlukan pelajar untuk berfikir dengan lebih kritis, sekali gus meniadakan dakwaan kononnya AI akan 'memandulkan akal manusia' kerana terlalu berharap dengan keupayaan mesin.

10

AI berupaya mempersembahkan maklumat dan data dengan lebih jelas serta boleh dipercayai.

Jika sebelum ini sebarang usaha untuk mendapatkan komen atau maklum balas memerlukan tempoh tertentu atau yang panjang, kini AI mempercepatkan kerja pensyarah membuat penilaian tugas para pelajar secara automatik melalui pelbagai aplikasi. Ia juga boleh mengenal pasti tahap pemahaman pelajar dan melaksanakan intervensi dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

15

Justeru itu, AI dapat meningkatkan keberkesanan komunikasi antara pelajar dengan pensyarah kerana pelajar tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan penjelasan dan menambah baik kefahaman mereka.

Era penerokaan ilmu kini menjadi lebih terbuka dan mudah.

20

Sebelum ini, bahan bacaan tersedia dalam bahasa Inggeris menjadi cabaran utama untuk memahami sesuatu ilmu bagi para pelajar yang kurang fasih.

Walau bagaimanapun, semua ini berubah dengan kewujudan AI yang mampu menterjemahkan hampir 200 bahasa di seluruh dunia. AI boleh menukar teks kepada suara atau sebaliknya. Kini, terdapat banyak aplikasi penterjemahan yang dibangunkan untuk kegunaan umum.

25

Pengkritik teknologi AI percaya bahawa ia akan menyebabkan kehancuran kreativiti. Mereka juga berpendapat AI akan menyebabkan manusia semakin malas berfikir dan menjadikan minda mereka terlalu bergantung kepada mesin.

Namun dalam era digital ini, kemeriahan video yang bersifat akademik dan santai boleh dilihat sebagai sesuatu yang positif ke arah kemenjadian pelajar dari aspek kreativiti. Pelajar boleh menggunakan AI untuk menghasilkan video berkualiti dengan lebih berkesan.

30

Di samping itu juga, teknologi AI mampu menggalakkan pembelajaran digital secara maya. Oleh kerana para pelajar hanya dipantau secara minimum, mereka akan menjadi lebih matang dan berdikari dalam menguruskan proses pembelajaran mereka sebelum terjun ke alam pekerjaan sebenar.

35

Walaupun kepesatan teknologi AI ini membawa banyak manfaat, ia masih menuntut kebijaksanaan manusia dan agensi berkaitan untuk mengawal, memantau dan mengawasi penggunaannya.

Teks C: Elak terlalu obses guna ChatGPT hingga hilang tujuan cari ilmu

(Prof Madya Dr Siti Mistima , 17 Feb 2023 disuaipadankan)

Kelahiran ChatGPT telah menggemparkan dunia akademia berdasarkan kekuatan AI dalam menyediakan maklumat yang komprehensif secara pantas.

ChatGPT mampu memudahkan kerja penting khususnya yang membabitkan penghasilan tugas, pencarian maklumat, penyediaan bahan penulisan dan banyak lagi.

Kelebihan ChatGPT termasuklah ia boleh diakses secara percuma, selain mampu menambah baik kualiti penulisan dan memberi ruang untuk menterjemahkan lebih banyak idea dalam bentuk penulisan. 5

Masa yang panjang dalam pencarian bahan penulisan dapat dipendekkan dengan kecekapan ChatGPT yang mempamerkan bahan berkaitan mengikut kesesuaian arahan yang diberikan. Konsep pembelajaran peribadi dapat memenuhi keperluan pelajar secara khusus dan menjadi nilai tambah dalam peningkatan pengetahuan bagi sesuatu perkara yang dipelajari. 10

Semua kelebihan penggunaan ChatGPT dapat dinikmati bukan sahaja oleh pelajar, malah golongan ahli akademik.

Walaupun bagaimanapun, di sebalik keghairahan penggunaan ChatGPT, beberapa perkara penting perlu dipertimbangkan bagi mengelakkan perkara yang tidak wajar berlaku. 15

Antaranya, kegusaran dalam menilai tugas pelajar khususnya dari aspek keaslian. Walaupun maklumat terkini menyatakan ChatGPT menyediakan perisian untuk mengenal pasti masalah plagiarisme, ahli akademik perlu mempunyai kemahiran dalam menilai prestasi pelajar.

Isu bias atau penilaian berat sebelah berdasarkan isi kandungan tugas yang dihantar bakal menjadi masalah yang perlu diberi perhatian. Ada kemungkinan skor penilaian yang diberikan tidak menggambarkan pengetahuan sebenar pelajar. 20

Amalan pengendalian peperiksaan, pelaksanaan penyediaan laporan, mahupun tesis mengikut cara lama sudah tidak boleh lagi digunakan sepenuhnya. Pengesahan idea pelajar secara lisan dapat memberikan gambaran prestasi sebenar jika dibandingkan dengan tugas bertulis yang dihasilkan menggunakan ChatGPT. 25

ChatGPT ini juga jika tidak digunakan secara berhemah akan menjadikan seseorang itu terlalu bergantung dengan maklumat yang diberikan. Sudah pasti kemahiran berfikir akan terhakis dengan adanya cara yang lebih mudah untuk mendapatkan jawapan bagi setiap persoalan.

Justeru, pemikiran kritis serta kreatif tidak lagi dimanfaatkan dan sebenarnya, penyelesaian masalah mungkin adalah jawapan yang dihasilkan ChatGPT, bukannya dari pemikiran manusia. 30

Malah, pembacaan bahan rujukan juga akan menjadi lebih terhad dan tanpa disiplin dengan segala-galanya bertunjangkan AI. Semua hal ini menimbulkan kegusaran kebanyakan ahli akademia.

Adakah ChatGPT akan membunuh semua kemahiran manusia?

Tepuk dada dan tanyalah selera. Tiada pilihan untuk kita menolak sepenuhnya kemajuan tetapi gunakanlah secara berhikmah sebagai manusia yang masih mempunyai akal fikiran. Elakkan terlalu obses sehingga hilang tujuan sebenar mencari ilmu. 35

BLANK PAGE

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.